



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

INISIATIF BELANJAWAN 2024 DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
“REFORMASI EKONOMI, MEMPERKASA RAKYAT”

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) menyambut baik Belanjawan 2024 yang bertemakan “*Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat*” yang bersifat Responsif, Bertanggungjawab dan Reformis bagi memastikan kesejahteraan rakyat Malaysia.
2. Peruntukan lebih **RM200 juta** kepada Kementerian Sumber Manusia menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk **memperkasa jaringan perlindungan sosial dan memacu pasaran buruh** adalah selari dengan usaha Kerajaan Persekutuan ke arah agenda reformasi struktur.
3. Peruntukan dana daripada Belanjawan 2024 itu antara lain meliputi pelaksanaan enam inisiatif, termasuk pengenalan dua inisiatif baharu iaitu **memudahkan integrasi kumpulan sasaran ke sektor awam** dan **peningkatan siling gaji dinsuranskan** dari RM5000 ke paras baharu iaitu RM6000 untuk **Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) serta Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800)**. Kenaikan siling gaji diinsuranskan ke paras baharu ini akan berkuat kuasa selepas pindaan terhadap kedua-dua peruntukan akta berkenaan, sekali gus dijangka **meningkatkan faedah tunai sebanyak 20.2 peratus bagi 1.45 juta pekerja dan orang tanggungan** mereka jika ditimpa bencana kerja, keilatan, kematian atau kehilangan pekerjaan.
4. Selain itu, penambahbaikan dua inisiatif sedia ada yang dilanjutkan, iaitu **geran padanan caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS)**

dengan peruntukan RM100 juta dan tanggungan Kerajaan dinaikkan kepada 90 peratus berbanding 80 peratus sebelum ini serta pembiayaan caruman Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) menerusi peruntukan RM50 juta. Dua lagi inisiatif yang turut dilanjutkan adalah Program Latihan Bina Kerjaya (RM35 juta) bagi membiayai yuran latihan dan insentif gantian pendapatan kepada 9,000 pekerja gig yang menghadiri latihan dan skim sokongan pekerjaan di sektor swasta (RM30 juta), dengan sasaran kepada golongan rentan seperti bekas banduan, Orang Kelainan Upaya (OKU), warga emas dan pesara.

5. Dasar pengambilan pekerja OKU sebanyak 1% akan diperluaskan kepada golongan bekas banduan dan warga emas untuk dilaksanakan di pelbagai Kementerian, GLIC dan GLC serta rakan strategik Kerajaan. Pemerkasaan dasar ini akan disokong menerusi peranan pegawai perkhidmatan pekerjaan PERKESO dan platform portal perkhidmatan pekerjaan negara **MYFutureJobs** yang dilengkapi dengan kebolehan ‘Artificial Intelligence’ yang dapat memastikan pemandangan pekerjaan yang cekap serta bersesuaian dengan golongan ini dapat dilakukan seterusnya mengurangkan tempoh penempatan pekerjaan bagi golongan tersebut.
6. Bagi mengekang kekurangan bakat tempatan dan ketidakpadanan kemahiran, **Program Academy in Industry (AIL)** akan dilaksanakan untuk menyediakan kemahiran sambil bekerja dalam tempoh sehingga 18 bulan dengan peruntukan sebanyak 70 juta ringgit. Seterusnya, sebanyak 17 juta ringgit disediakan untuk melaksanakan **Program Tahfiz TVET**. Program ini akan membuka peluang kepada pelajar tahfiz mempelbagaikan kemahiran di samping meneruskan pengajian hafazan.
7. KSM melalui *Human Resource Development Corporation* (HRD Corp) terus komited memangkin pembangunan modal insan menerusi **inisiatif-inisiatif peningkatan kemahiran dan kemahiran semula**. Ini akan dilaksanakan melalui peruntukan **RM1.6 bilion levi pembangunan manusia untuk 1.7 juta tempat latihan**.

8. HRD Corp juga akan menjayakan **Program Latihan MADANI**. Inisiatif ini akan direalisasikan menerusi pewujudan dana khas dengan pengasingan 15% daripada sebahagian caruman levi majikan yang tidak diguna pakai oleh majikan mengikut tempoh yang telah ditetapkan oleh HRD Corp seperitimana diperuntukkan oleh Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001, **dan juga memenuhi syarat-syarat di mana majikan mempunyai baki levi lebih daripada RM50 ribu setelah pembayaran setahun atau dari majikan yang tidak menjalankan sebarang latihan kemahiran menggunakan levi mereka setelah dua tahun terkumpul**. Dana khas ini akan digunakan untuk menyokong usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) serta akan membantu golongan rentan seperti bekas banduan, OKU, warga emas dan pesara.

9. Kerangka Ekonomi MADANI mensasarkan **peningkatan Kadar Tenaga Kerja Wanita (*Female Labour Force Participation Rate*) kepada 60 peratus**. Sebagai sebahagian daripada komitmen Kementerian Sumber Manusia untuk memperkasa wanita dalam tenaga kerja, Kerajaan **melanjutkan insentif cukai untuk wanita yang kembali bekerja menerusi inisiatif Program Kembali Berkerjaya (*Career Comeback Programme*) melalui Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) sehingga 31 Disember 2027**. Inisiatif ini mencerminkan dedikasi Kerajaan untuk memupuk kesaksamaan jantina dan menyediakan peluang kepada wanita untuk berkembang maju dalam kerjaya mereka.

10. Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dengan **Dana Latihan TVET berjumlah 180 juta ringgit** akan menyediakan pinjaman pendidikan kepada 12 ribu pelatih yang mengikuti Program Persijilan Kemahiran. **20 juta ringgit dikhaskan untuk manfaat pelatih yang mengikuti bidang maritim, kesenian di ASWARA dan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) bagi sektor aeroangkasa**.

11. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengurus dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing, sistem Levi Pelbagai Peringkat (*Multi-Tier Levy*) untuk pekerja asing akan dilaksanakan sebelum hujung tahun 2024 di mana

ia melibatkan kadar levi yang **terperingkat** dan tinggi bagi majikan dengan bilangan pekerja asing yang lebih ramai. Kutipan ini akan dipulangkan kepada tabung untuk manfaat majikan bagi automasi atau latihan pekerja tempatan.

12. Justeru itu, KSM akan terus komited bagi memastikan inisiatif yang dipertanggungjawabkan kepada KSM terlaksana.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
14 OKTOBER 2023**